

# **MATAPELAJARAN PRINSIP PERAKAUNAN**

## **SET 7 –MODUL HALUS**

**TINGKATAN 5**

**MODUL 16 PERAKAUNAN KOS**

**SOALAN MODUL 16**  
**BAHAGIAN A**

- 1 Antara berikut , pernyataan yang manakah benar tentang elemen kos pengeluaran
- I Gaji pengurus kilang adalah kos overhed kilang
  - II Upah pekerja kilang merupakan kos buruh langsung
  - III Kerja dalam proses dinilai dalam kos overhed
  - IV Kos prima terdiri daripada kos bahan dan kos buruh tak langsung
- A I dan II  
B I dan III  
C II dan III  
D III dan IV
- 2 Apakah rumus bagi kos prima ?
- A Kos bahan langsung + Kos buruh langsung – kos overhed
  - B Kos bahan langsung + Kos buruh langsung + kos overhed
  - C Kos bahan langsung + Kos buruh langsung + Kos belanja langsung
  - D Kos bahan langsung + Kos buruh langsung - Kos belanja langsung
- 3 Butiran manakah merupakan kos buruh langsung ?
- A Upah pekerja kilang
  - B Gaji penyelia kilang
  - C Upah pengurus kilang
  - D Upah penyelenggaraan kilang
- 4 Apakah tujuan Akaun Pengeluaran disediakan?
- A Merancang proses pengeluaran
  - B Mengira untung atau rugi pengeluaran
  - C Menunjukkan kos yang terlibat dalam pengeluaran
  - D Menyatakan kedudukan kewangan firma pengeluaran.
- 5 Pernyataan yang manakah menerangkan kos berubah?
- A Belanja yang berkadar terus dengan perubahan volum pengeluaran
  - B Belanja yang tidak dipengaruhi oleh perubahan volum pengeluaran
  - C Belanja yang tetap dan berubah mengikut perubahan volum pengeluaran
  - D Belanja yang berkadar songsang dengan perubahan volum pengeluaran

6. Data berikut diperoleh daripada Kilang kasut Zebra.

	RM
Gaji pekerja kilang	19 000
Kos bahan langsung	32 000
Belanja susut nilai mesin	20 000
Kos barang siap	28 500

Berapakah kos pengeluaran ?

- A RM 99 500  
 B RM 71 000  
 C RM 85 000  
 D RM 79 500
- 7 Data berikut diperoleh daripada Perusahaan Rasa Lazat, pengeluar keropok. Apakah nilai kos bahan langsung digunakan?

	RM
Inventori awal Bahan langsung	1600
Belian bahan langsung	3500
Angkutan masuk	350
Inventori akhir bahan langsung	2000

- A RM 2 750  
 B RM 3 450  
 C RM 7 450  
 D RM 4 250
- 8 Kilang Kek Nadia merupakan pembekal kek dan roti di sekitar Bandar Ipoh . Antara berikut , manakah kos tetap kilang tersebut ?
- I Sewa kilang  
 II Upah operator kilang  
 III Bayaran elektrik dan air kilang  
 IV Angkutan belian bahan langsung
- A I dan II  
 B I dan III  
 C II dan III  
 D III dan IV

- 9 Data berikut diambil daripada Kilang Perabot Sin Sun Enterprise

	RM
Bahan langsung	450 000
Upah buruh langsung	65 000
Sewa kilang	43 000
Kadar bayaran kilang	23 000

Berapakah jumlah kos prima ?

- A RM 516 000  
 B RM 558 000  
 C RM 538 000  
 D RM 515 000
- 10 Maklumat berikut diambil daripada buku perniagaan sebuah firma pengeluaran barang-barang plastik di Ipoh Perak pada 31 Disember 2017.

	RM
Alatan kilang	70 000
Insurans kilang	3 600
Gaji operator kilang	7 500
Sewa kilang	4 400
Kadar bayaran kilang	1 090

Maklumat tambahan :

- I) Alatan kilang disusut nilaikan pada kadar 15% setahun atas kos  
 II) Kadar bayaran kilang belum bayar RM480

Kirakan kos overhead kilang tersebut ?

- A RM 19 110  
 B RM 27 090  
 C RM 26 610  
 D RM 20 070
- 11 Pernyataan manakah yang menerangkan kos tetap?
- A Kos bahan langsung adalah kos tetap  
 B Kos tetap tidak berubah dalam jangka panjang  
 C Kos yang berkadaran dengan tingkat pengeluaran  
 D Kos yang malar walaupun tingkat pengeluaran sifar

12 Apakah istilah yang digunakan bagi lebihan harga jualan seunit daripada kos berubah seunit ?

- A Tokokan
- B Margin caruman
- C Pulangan atas modal
- D Margin keselamatan

13 Maklumat berikut diperolehi daripada buku Perniagaan Serasi pada 31 Mei 2017

	RM
Sewa kilang	4 000
Gaji penyelia kilang	1 600
Kos berubah seunit	150
Harga jualan seunit	350

Berapakah titik pulang modal dalam unit bagi perniagaan di atas ?

- A 12 unit
- B 20 unit
- C 24 unit
- D 28 unit

Soalan 14 dan 15 merujuk kepada :

Maklumat diambil dari buku perniagaan Encik Ubaidah , seorang pengeluar

	RM
Kos berubah 100 unit	3 800
Harga jualan seunit	50
Kos tetap	6 000

14 Berapakah Margin caruman seunit ?

- A RM 12
- B RM 38
- C RM 44
- D RM 120

15 Berapakah titik pulang modal ?

- A RM 19 000
- B RM 25 000
- C RM 22 000
- D RM 60 000

- 16 Kilang Syafiq telah mengeluarkan kerepek pisang yang dijual di pasaran dengan Harga RM 5 sepaket. Kos yang terlibat dalam pengeluaran kerepek adalah seperti berikut :

Kos tetap	RM20 000
Kos berubah seunit	RM2.50
Jumlah pengeluaran	12 000 unit

Berapakah untung sasaran yang diperoleh Kilang Syafiq ?

- A RM10 000  
 B RM12 000  
 C RM20 000  
 D RM30 000
- 17 Maklumat berikut diperoleh daripada Kilang Luna

Titik Pulang Modal	500 unit
Kos berubah seunit	RM3 seunit
Kos tetap	RM1 000

Berapakah harga jualan seunit ?

- A RM 6.00  
 B RM 1.50  
 C RM 3.50  
 D RM 5.00
- 18 Maklumat berikut berkenaan kos pengeluaran Keropok Udang Adi Enterprise.

	RM
Kos Tetap	15 000
Harga jualan	10 / unit
Margin caruman	5 / unit

Berapakah titik pulang modal ,sekiranya kos tetap meningkat sebanyak RM5 000


- A 2 000 unit  
 B 3 000 unit  
 C 4 000 unit  
 D 5 000 unit

19 Perkara berikut , yang manakah sebahagian daripada jumlah kos dalam graf Titik Pulang Modal ?

- I Kos tetap
- II Kos buruh
- III Kos berubah
- IV Kos bahan mentah

- A I dan II
- B I dan III
- C II dan III
- D II dan IV

20 Maklumat berikut berkaitan komponen kos dalam akaun pengeluaran



Apakah Y?

- A Kos overhed
- B Kos langsung
- C Kos pengeluaran
- D Kos buruh langsung

**BAHAGIAN B**

1 Lengkapkan persamaan berikut :

a)

i) Kos pengeluaran =  +  +

ii) Kos Bahan =  +  +  -  
Langsung  
Digunakan

iii) Kos Prima =  +  +

b) Puan Rozaida pemilik Kilang Biskut Segar telah memberi anda maklumat berikut. Anda dikehendaki mengklasifikasikan item kepada komponen kos pengeluaran yang betul

- i) Kos Bahan Langsung.  
Kos Buruh langsung  
Kos overhead

Item	RM	Kos
Inventori Bahan Langsung 1 Januari 2017	2 540	
Upah buruh langsung	9 980	
Belian Bahan langsung	20 880	
Pulangan belian bahan langsung	1 230	
Angkutan atas belian bahan langsung	500	
Gaji penyelia kilang	2 270	
Sewa kilang	6 230	
Elektrik dan air kilang	1 300	
Susut nilai mesin pengadun	1 350	
Inventori Bahan Langsung 31 Disember 2017	1 240	

ii) Hitungkan setiap komponen kos pengeluaran di atas ?

- 2 Berikut adalah maklumat yang diperoleh daripada Kilang Masam Manis , kilang mmakanan ringan di Batu Gajah Perak.

	RM
Inventori pada 1 Julai 2017:	
Bahan langsung	3 350
Kerja dalam proses 1 Julai 2017	2 800
Inventori pada 30 Jun 2018:	
Bahan langsung	4 300
Kerja dalam proses 30 Jun 2018	3 030
Belian bahan langsung	32 630
Angkutan masuk bahan langsung	1 320
Upah pekerja kilang	5 880
Gaji penyelia kilang	3 450
Susut nilai terkumpul mesin dan loji	1 500
Belanja am kilang	580
Insurans	2 500
Kadar bayaran	1 200
Sewa kilang	4 200
Mesin dan loji	15 000

**Maklumat tambahan :**

- i) Sewa kilang belum bayar RM 600
- ii) Insurans dibahagikan antara kilang dan pejabat mengikut nisbah 3:2
- iii) Mesin dan loji disusut nilaikan 10% setahun atas kos.

**Anda dikehendaki menyediakan** Penyata Kos pengeluaran Bagi tahun berakhir 30 Jun 2018.

- 3 Firma Perkasa mengeluarkan 20 000 unit barang. Anggaran kos bagi pengeluaran tersebut adalah seperti berikut .

	RM
Kos berubah	500 000
Gaji penyelia kilang	25 000
Elektrik dan air	5 500
Kos tetap lain	2 300

Harga jualan seunit dicadangkan RM50.

Anda dikehendaki menghitung :

- a) Kos tetap
- b) Kos berubah seunit
- c) Titik pulang modal pengeluaran tersebut
- d) Keuntungan atau kerugian diperoleh , sekiranya firma Ingin mengeluarkan 4 450 unit barang pada bulan Jun 2017.

- 4 Maklumat berikut telah diambil daripada buku Perkilangan Azmil Berjaya pada 31 Disember 2017.

<b>BUTIR</b>	<b>RM</b>	<b>BUTIR</b>	<b>RM</b>
Inventori 1 Jan 2017:		Sewa	8 000
Bahan langsung	18 000	Upah pekerja kilang	9 200
Kerja dalam proses	74 00	Belanja am kilang	2 800
Alat tulis kilang	450	Belian alat tulis kilang	210
Inventori 31 Dis 2017:		Belanja am pejabat	4 400
Bahan langsung	16 000	Elektrik dan air kilang	2 600
Kerja dalam proses	9 500	Belian bahan langsung	22 800
Alat tulis kilang	320	Angkutan keluar	1 220
Jualan	90 000	Insurans kilang	3 600
Pulangan bahan langsung	800	Angkutan masuk bahan langsung	1 600

Maklumat tambahan :

- (I) Sewa di bahagikan antara kilang dengan pejabat 3:1
- (II) Belanja elektrik dan air kilang RM650 belum dibayar.
- (III) Insurans yang dibayar untuk satu tahun bermula bulan Ogos 2017
- (IV) Angkutan keluar RM 200 telah tersalah rekod dalam Akaun Angkutan Masuk.

Anda dikehendaki untuk menyediakan :

- (a) Penyata kos Pengeluaran bagi tahun berakhir 31 Disember 2017

### SOALAN MODUL 16 TAMAT

**JAWAPAN****BAHAGIAN A.**

SOALAN	JAWAPAN	SOALAN	JAWAPAN
1	A	11	D
2	C	12	B
3	A	13	D
4	C	14	A
5	A	15	B
6	B	16	A
7	B	17	D
8	B	18	C
9	D	19	B
10	D	20	A

**BAHAGIAN B.**

- 1 a. i) Kos Pengeluaran = Kos Bahan Langsung + Kos Buruh Langsung + Kos overhed
- ii) Kos Bahan langsung = Inventori Bahan langsung awal + Belian bahan langsung + Angkutan belian Bahan Langsung - Inventori Akhir
- iii) Kos Prima = Kos bahan Langsung + Kos Buruh langsung + Belanja langsung

b. i)

Item	RM	Kos
Inventori Bahan Langsung 1 Januari 2017	2 540	Kos Bahan langsung
Upah buruh langsung	9 980	Kos Buruh langsung
Belian Bahan langsung	20 880	Kos bahan langsung
Pulangan belian bahan langsung	1 230	Kos bahan langsung
Angkutan atas belian bahan langsung	500	Kos bahan langsung
Gaji penyelia kilang	2 270	Kos overhed
Sewa kilang	6 230	Kos overhed
Elektrik dan air kilang	1 300	Kos overhed
Susut nilai mesin pengadun	1 350	Kos overhed
Inventori Bahan Langsung 31 Disember 2017	1 240	Kos bahan langsung

(II)	<b>Kos bahan langsung</b>	RM	RM
	Inventori awal bahan langsung		2540
	Belian bahan langsung	20 880	
	Tolak: Pulangan belian bahan langsung	<u>(1 230)</u>	
		19 650	
	Tambah: angkutan atas belian	500	20 150
			<u>22 690</u>
	Tolak: Inventori akhir bahan langsung		(1 240)
	Kos bahan langsung		<u>21 450</u>
ii)	Kos buruh langsung	RM 9 980	
iii)	<b>Kos Overhed</b>	RM	
	Gaji pengurus kilang	2 270	
	Sewa kilang	6 230	
	Elektrik dan air kilang	1 300	
	Susut nilai mesin	<u>1 350</u>	
	Kos overhed	<u>11 150</u>	

2

Kilang Masam Manis  
Penyata Kos Pengeluaran Bagi Tahun Berakhir 30 Jun 2018

	RM	RM
<b>Kos bahan langsung</b>		
Inventori awal bahan langsung		3 350
Belian bahan langsung	32 630	
Angkutan masuk bahan langsung	<u>1 320</u>	33 950
		37 300
<i>Tolak</i> : Inventori akhir bahan langsung		<u>4 300</u>
Kos bahan langsung digunakan		33 000
<b>Kos Buruh langsung</b>		
Upah pekerja kilang		5 880
Kos prima		<u>38 880</u>
<b>Kos overhed</b>		
Gaji penyelia kilang	3 450	
Susut nilai mesin dan loji	1 500	
Belanja am kilang	580	
Insurans	1 500	
Kadar bayaran	1 200	
Sewa kilang (600 + 4 200)	<u>4 800</u>	13 030
		51 910
<i>Tambah</i> : Kerja dalam proses awal		<u>2 800</u>
		54 710
<i>Tolak</i> : kerja dalam proses akhir		<u>3030</u>
Kos pengeluaran		<u>51 680</u>

- 3 (a) Kos tetap = 25 000 + 5 500 + 2 300 = 32 800
- (b) Kos berubah seunit =  $\frac{500\,000}{20\,000} = \text{RM}25$
- (c) Titik pulang modal =  $\frac{\text{Kos tetap}}{\text{Margin caruman}} = \frac{32\,800}{\text{RM}50 - \text{RM}25} = 1\,312 \text{ unit}$
- (d)  $\frac{32\,800}{25} + \text{Untung sasaran} = 4\,450 \text{ unit}$
- Untung sasaran = 111 250 - 32 800
- = RM 78 450

4 a)

Perkilangan Azmil Berjaya  
Penyata Kos Pengeluaran Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2017

	RM	RM
Kos Bahan Langsung		
Inventori awal bahan langsung		18 000
Belian bahan langsung	22 800	
(-) Pulangan bahan langsung	800	
	22 000	
(+) Angkutan masuk (1600-200)	1 400	23 400
		41 400
(-) Inventori akhir		16 000
Kos bahan langsung digunakan		25 400
(+) Kos buruh langsung		
Upah pekerja kilang		9 200
Kos prima		34 600
(+) Kos overhead		
Belanja am kilang	2 800	
Sewa kilang	6 000	
Elektrik dan air(2 600+650)	3 250	
Insurans	1 500	
Alat tulis (450+210-320)	340	13 890
		48 490
Kerja dalam proses awal		7 400
		55 890
Kerja dalam proses akhir		9 500
Kos pengeluaran		46 390

**SKEMA JAWAPAN MODUL 16 TAMAT**